

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEPERIKSAAN SEMASA PANDEMIK PRASISWAZAH DAN SISWAZAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1. Pendahuluan

Garis Panduan ini dinamakan Garis Panduan Pengurusan Peperiksaan Semasa Pandemik Prasiswazah dan Siswazah Universiti Pendidikan Sultan Idris.

2. Tujuan Pengurusan Peperiksaan Semasa Pendemik

Universiti Pendidikan Sultan Idris mewujudkan garis panduan pengurusan peperiksaan semasa pandemik adalah untuk memastikan setiap kursus yang mempunyai peperiksaan akhir digantikan dengan kaedah penilaian yang lain seperti *take-home-exam*, *open-book-exam*, peperiksaan secara online, tugas akhir dan sebagainya bergantung kepada kesesuaian. Tujuan asas penilaian adalah untuk memastikan kualiti dan konsistensi dalam pemarkahan dan penggredan peperiksaan akhir.

3. Pengendalian Kaedah Penilaian

Prinsip utama ujian / peperiksaan adalah kaedah untuk mengukur pencapaian pelajar berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan serta memelihara dengan sebaik mungkin berdasarkan situasi semasa dari aspek *validity*, *reliability* dan *fairness* dalam pelaksanaan

Penggunaan penuh kaedah penilaian seperti kaedah *take-home-exam*, *open-book-exam*, peperiksaan secara online dan tugas akhir adalah perlu:

- i. memastikan mekanisma penilaian yang digunakan dapat mengukur pencapaian pelajar secara individu;
- ii. mengukur pencapaian pelajar berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan;
- iii. memelihara dengan sebaik mungkin dari segi aspek *validity*, *reliability* dan *fairness* dalam pelaksanaan penilaian berdasarkan situasi semasa.

4. Pemberatan Markah Penilaian

Peperiksaan Akhir yang tidak dilaksanakan dan digantikan dengan kaedah penilaian pelajar yang lain perlulah mempertimbangkan beberapa perkara seperti:

- i. Memastikan penilaian yang dilaksanakan merangkumi sekurang-kurangnya 80% daripada keseluruhan penilaian pelajar;
- ii. Memastikan telah memenuhi hasil pembelajaran mengikut jumlah pemberatan yang yang telah ditetapkan oleh Pusat Pembangunan Akademik (PPA);
- iii. Kursus-kursus yang tidak memenuhi peratusan di atas boleh digabungkan dengan kaedah-kaedah penilaian lain bagi mencukupkan peratusan tersebut.

5. Proses Pemarkahan

Proses kemasukan markah perlu dilaksanakan oleh pensyarah kursus yang terlibat berdasarkan ketetapan berikut:

- i. Melalui pautan <https://unisis.upsi.edu.my/login>
- ii. Selewatnya sepuluh (10) hari selepas penilaian pelajar dilakukan
- iii. Tarikh kemasukan adalah mengikut takwim semasa yang telah diedarkan

Kelewatan proses kemasukan markah oleh pensyarah akan mengakibatkan pelajar mendapat gred TG (Tiada Gred) selepas markah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Universiti (JKPU) dan Mesyuarat Senat. Bagi pelajar yang mendapat markah TG maka Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) adalah tidak sah. Tiada sebarang pindaan markah dibenarkan selepas Mesyuarat Senat.

6. Pihak Bertanggungjawab

Kaedah penilaian pelajar selain daripada peperiksaan dalam menentukan gred akhir pelajar adalah perlu diselia sepenuhnya oleh pensyarah setiap kursus yang terlibat. Pensyarah juga perlu mematuhi maklumat penuh pembahagian markah yang telah ditetapkan oleh PPA seperti di **lampiran**.

Pihak Fakulti, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) bertanggungjawab dalam memastikan proses pemarkahan berjalan dengan lancar.